

## KENYATAAN AKHBAR

### TASIK TAMAN JAYA

Taman Jaya seluas 15 ekar dibina pada awal tahun 60-an semasa pentadbiran Lembaga Bandaran Petaling Jaya lagi. Di taman ini terdapat sebuah kolam yang meliputi satu pertiga daripada keluasan taman untuk menakung limpahan air longkang dari sekitar kawasan Seksyen 5 dan Seksyen 10.

Konsep reka bentuk asalnya tidak jelas. Konsep sebuah Taman Warisan kemudian dicadangkan untuk program menaik taraf taman tersebut secara berperingkat-peringkat bermula pada awal tahun 2000. Ciri-ciri arkitektur Melayu menjadi pilihan kepada reka bentuk struktur binaan di sini. Ia diperkuatkan lagi dengan pembinaan Muzium Petaling Jaya dan aktiviti Laman Budaya yang diadakan setiap bulan suatu masa dahulu. Ciri-ciri warisan juga diterapkan dalam reka bentuk tanaman dengan pilihan pokok-pokok pelbagai jenis tanaman komoditi, herba, buah-buahan dan lain-lain untuk diperkenalkan kepada generasi sekarang dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Konsep warisan bukan sahaja tertumpu kepada arkitekturnya sahaja, malah memori silam dapat diimbau kerana beberapa alat permainan lama masih digunakan dan dijaga dengan rapi. Malah beberapa perabot taman juga dikekalkan untuk mengembalikan kenangan kepada pengunjung Taman Jaya.

Lokasinya yang berdekatan dengan Pusat Bandar Seksyen 52 yang mempunyai rangkaian jalan raya dan kemudahan pengangkutan awam yang baik menjadikan taman ini popular di kalangan penduduk sekitarnya untuk beriadah selepas waktu bekerja atau bersantai bersama keluarga di hujung minggu dan menjadi lokasi pilihan untuk aktiviti Hari Keluarga oleh agensi awam mahupun swasta.

Bagi yang meminati aktiviti berjoging Taman Jaya juga antara pilihan yang boleh dipertimbangkan dengan penyediaan trek jogging di sekeliling tasik yang ditumbuhki dengan pokok-pokok hijau yang membekalkan banyak oksigen. Alat-alat senaman juga disediakan sebagai alternatif kepada orang ramai. Selepas penat bersenam orang ramai boleh menambahkan ilmu pengetahuan terutama tentang sejarah Petaling Jaya di Muzium Petaling Jaya.

Muzium Petaling Jaya asalnya merupakan Rumah Taman Bacaan Kanak-kanak yang dirasmikan pada tahun 1980 oleh Datin Hjh. Sulaimah bt. Maiji yang merupakan isteri kepada bekas Menteri Besar Selangor, YBhg. Dato' Hj. Hormat b. Rafei. Pada tahun 1992 bangunan ini telah diambil alih oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan dan pada penghujung April 2007, diambil alih sepenuhnya oleh Bahagian Perpustakaan dan Pengurusan Maklumat untuk dijadikan Muzium Petaling Jaya. Kerja-kerja

penyelenggaraan dan ubah suai telah siap sepenuhnya, pada awal 12 November 2007 Muzium Petaling Jaya mula dibuka kepada orang ramai.

Ia dibahagikan kepada enam galeri iaitu Galeri A menempatkan artifak berkaitan sejarah kelahiran Petaling Jaya, Galeri B berkenaan pentadbiran awal Petaling Jaya, Galeri C untuk Pameran Khas Berkala, Galeri D berkaitan tokoh pembangunan Petaling Jaya, Galeri E kaum di Petaling Jaya dan Galeri F mempamerkan informasi perkembangan dan pembangunan Petaling Jaya. Dibuka secara percuma kepada orang ramai setiap Sabtu hingga Khamis dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan ditutup pada hari Jumaat serta cuti umum. Sila hubungi 03-79548122 untuk keterangan lanjut.

Khas kepada pengunjung yang bersiar-siar menikmati suasana taman, pihak Majlis menyediakan perkhidmatan sewaan basikal elektrik dengan kadar yang berpatutan. Penyediaan basikal ini juga merupakan salah satu agenda MBPJ ke arah menjadikan Petaling Jaya bandar raya berkarbon rendah. Kadar harga yang ditetapkan untuk penyewaan basikal ini ialah RM5.00 untuk setengah jam pertama dan RM5.00 tambahan setengah jam. Untuk maklumat lanjut hubungi 03-79582372.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my**